

Rakyat perlu tunaikan hak

UM - 14/2/2008

TRANSKRIP sidang akhbar khas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai pembubaran Parlimen di Putrajaya, semalam.

"**SAYA** ingin membuat kenyataan mengenai pembubaran Parlimen pada hari ini, setelah saya menghadap Yang di-Pertuan Agong pagi ini.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenan supaya Parlimen ke-11 dibubarkan berkuat kuasa hari ini, 13 Februari 2008, bagi membolehkan pilihan raya umum ke-12 diadakan seperti yang diperuntukkan Perlembagaan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah pun menandatangani Perisytiharan Pembubaran Parlimen pada hari ini. Kerajaan-kerajaan negeri juga telah dinasihatkan supaya mengambil tindakan bagi membubarkan Dewan-Dewan Undangan Negeri berkuat kuasa pada tarikh yang sama.

Suruhanjaya Pilihan Raya dan Parlimen telah dimaklumkan berkenaan dengan perkara ini. Suruhanjaya Pilihan Raya akan menetapkan tarikh penamaan calon dan hari pembuangan undi."

SOALAN (pemberita): Mengapakah Datuk Seri semalam menafikan Datuk Seri akan membubarkan Parlimen hari ini?

ABDULLAH: Saya tidak boleh memberi sebarang bayangan mengenai tarikh pembubaran Parlimen kerana Yang di-Pertuan Agong belum lagi membuat keputusan. Macam mana saya nak buat kenyataan ataupun memberi isyarat. Itu pun tak boleh. Yang di-Pertuan Agong dahulu yang mesti tahu dan Yang di-Pertuan Agong mesti buat keputusan.

SOALAN: Datuk Seri, bagaimanakah dengan senarai calon Barisan Nasional (BN), adalah ia telah ditetapkan?

ABDULLAH: Belum lagi, belum lagi.

SOALAN: Berapa peratus senarai itu (telah siap) sekarang?

ABDULLAH: Belum lagi, belum lagi.

SOALAN: Adakah pembubaran Parlimen pada hari ini, 13 Februari, ada kena-mengena dengan nombor 13 kegemaran Datuk Seri?

ABDULLAH: Tak payah ulaslah, tak

payah ulaslah (*ketawa*). Kegemaran ke, tak kegemaran, yang penting tarikh ini Yang di-Pertuan Agong telah pun memberi keputusan, telah berkenan untuk memberi keputusan supaya hari ini Parlimen dibubarkan.

SOALAN: Mengapakah Parlimen dibubarkan 15 bulan lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan dalam Perlembagaan?

ABDULLAH: Tidak salah. Tak ada kesalah. Saya fikir elok juga. Kalau kita hendak buat pada waktu ini pun tak apa. Tak ada masalah yang timbul dan saya percaya dengan kekuatan mandat nanti insya-Allah kita akan dapat meneruskan usaha-usaha kita untuk memajukan negara dan memberi nikmat kepada rakyat kita.

SOALAN: Adakah Datuk Seri yakin untuk mengulangi kemenangan besar pada tahun 2004?

ABDULLAH: Tahun 2004 pada masa itu mencatatkan satu rekod yang istimewa.

SOALAN: Adakah Dewan Undangan Negeri untuk Sarawak turut akan dibubarkan?

ABDULLAH: Tidak, tidak. Di Sarawak, (pilihan raya) Parlimen sahaja.

SOALAN: Adakah Datuk Seri yakin BN mampu mengulangi kemenangan besar pada tahun 2004?

ABDULLAH: Kita harap akan dapat sokongan yang besar, sekurang-kurangnya dua pertiga, insya-Allah.

SOALAN: Bagaimanakah jentera Barisan Nasional?

ABDULLAH: Telah disusun. Kita perlu menggerakkannya sahaja.

SOALAN: Bagaimanakah dengan calon BN, adakah ia melibatkan gandingan muka lama dan muka baru?

ABDULLAH: Bila senarainya sudah ditetapkan, maka pada waktu itu kita akan tahu berapa muka lama, berapa orang muka baru.

SOALAN: Apakah harapan Datuk Seri kepada pengundi-pengundi dalam tempoh dua minggu akan datang?

ABDULLAH: Saya harap pengundi-pengundi akan memahami apakah isu-isu yang dikaitkan dengan negara kita. Dan secara objektif memberi penilaian dan lepas itu apabila tiba masa mengundi, undilah.

Harapan saya ialah semasa pilihan raya ini terutama pada hari pencalonan dan pada hari buang undi, tidak ada apa-apa gangguan yang akan menyusahkan rakyat kita untuk pergi ke tempat mengundi untuk melaksanakan hak mereka bagi mengundi siapa jua calon pilihan mereka.

SOALAN: Adakah pembubaran Parlimen dalam tempoh perayaan Tahun Baru Cina akan memberi kesan negatif?

ABDULLAH: Tak apa. Tak ada apa-apa. Pembubaran ini tidak akan menjejaskan apa juga perayaan dan apa juga aktiviti-aktiviti yang masyarakat Cina hendak laksanakan. Ini tidak akan terganggu.

SOALAN: Keyakinan BN (berhubung kemenangan dalam pilihan raya) berdasarkan kepada apa?

ABDULLAH: Kita telah melaksanakan apa yang kita janji kepada rakyat, banyak program yang kita mulakan dan kita akan terus memastikan program-program yang dilaksanakan itu akhirnya akan menghasilkan kejayaan yang diharapkan dan memberi manfaat kepada rakyat serta menyumbang kepada pembangunan negara kita. Itu harapan kita.

Rakyat tahu rekod BN selama ini adalah rekod yang baik. Kita telah dapat menjayakan pembangunan negara, menaikkan tarafnya, tahapnya dari satu tahap ke tahap yang lebih tinggi.

Dan itulah harapan kita supaya kita akan terus memberi khidmat yang terbaik untuk menambah nilai kepada sebarang kejayaan yang telah pun kita penuhi selama ini.

Kita ada pengalaman, kita ada kemampuan dan kita boleh menjayakan sebarang rancangan pembangunan yang sedang dijalankan waktu ini.

Terima kasih. Assalamualaikum.